

Penyertaan Persisi dalam pertandingan antarabangsa

Empat pesilat akan beradu di Eropah

21 JUL 1986

EMPAT orang jaguh setempat akan beradu ilmu persilatan mereka dengan banduan dari beberapa negara lain, termasuk negara-negara Eropah, dalam Invitasi Pencak Silat Antarabangsa di Vienna, Austria.

Pesilat yang mewakili Persekutuan Silat Singapura (Persisi) itu akan menunjukkan keahlian mereka dalam seni silat Panca Sakti, Al-Haq, Sunda dan Seni Gayung dalam pertandingan silat antarabangsa yang ketiga itu.

Mereka akan diiringi oleh Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari H. M. Uriff, selaku pegawai, dan seorang lagi anggota persekutuan, Encik Abdul Shukur Rais, yang akan menjadi wasit/juri dalam pertandingan itu.

Menurut Encik Johari, pesilat tersebut — Iskandar Muda Abdul Jalil Rais, Azrin Abdul Rahim, Zabri Hasar dan Raja Ahmad Raya Yusoff — dipilih berdasarkan kelakonan mereka dalam pertandingan tempatan dan juga

rekod peribadi.

Rombongan itu akan bertolak ke Vienna pada 26 Julai ini. Persisi mulanya merancang hendak menyertakan 10 orang pesilat, termasuk dua orang wanita, tetapi menghadapi masalah kewangan kerana ketiadaan penaja.

Hasil kerjasama

Ia hanya dapat mengumpulkan kira-kira \$10,000 untuk menghantar rombongan enam orang itu. Wang itu dikumpul hasil kerjasama jawatankuasa Persisi, perguruan silat tempatan dan Persatuan Silat Antarabangsa (Persilat) yang menganjurkan pertandingan itu.

Menurut Encik Johari, yang juga Timbalan Presiden Persilat, pertandingan itu akan berlangsung dari 26 Julai hingga 3 Ogos ini.

Negara lain yang menyertainya ialah Austria, Malaysia, Indonesia, Jerman Barat, Belanda, Perancis, Nigeria dan Czechoslovakia.

Singapura menduduki tempat keempat dalam pertandingan silat sedunia yang pertama dan kedua yang berlangsung di Indonesia.

Encik Johari, selaku pegawai Persilat pula, berkata persatuan dunia itu menjadikan Vienna gelanggang pertandingan kali ini sebagai sebahagian daripada usahanya untuk terus mengembangkan seni silat ke negara-negara Barat.

Pada masa ini, seni silat semakin diterima di negara seperti Jerman Barat, Austria dan Amerika Syarikat.

Di Austria terdapat kira-kira 200 orang pesilat yang bernaung di bawah Persatuan Pencak Silat Bond. Persatuan itu menjadi anggota bersekutu Persilat.

Brunei, Thailand dan Filipina mungkin menghantar wakil sebagai pemerhati atau mengadakan tunjucara dalam pertandingan tersebut.



● ENCIK JOHARI (atas), selaku pegawai Persilat, berkata persatuan dunia itu menjadikan Vienna gelanggang pertandingan kali ini sebagai sebahagian daripada usahanya untuk terus mengembangkan seni silat ke negara-negara Barat.